

Kerajaan komited sediakan pendidikan IT

UM 2 - JAN 2002

SEREMBAN 1 Jan. — Langkah kerajaan untuk menggunakan kaedah bangunan pasang siap bagi menangani masalah kelewatan pembinaan makmal komputer membuktikan komitmen tinggi dalam menyediakan pendidikan teknologi maklumat (IT) kepada generasi muda

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pendidikan Negeri, Zakaria Nordin berkata, pendekatan itu diharapkan tidak lagi menimbulkan masalah dan pembinaan makmal komputer di sekolah terbabit tidak lagi terbengkalai.

“Ini adalah usaha yang wajar dan penggunaan bangunan pasang siap diharapkan boleh menyegerakan pembinaannya berdasarkan pencapaian projek perumahan pasang siap yang dilaksanakan di negara ini,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam mengenai pendekatan tersebut dengan para kontraktor berkenaan dikehendaki menyediakan semua bahan binaan untuk menyiapkan antara 200 hingga 300 bilik makmal komputer.

Komponen

Pada masa yang sama, kata Perdana Menteri, kontraktor kecil kelas F akan dianugerahkan dua atau tiga projek bagi memasang komponen dan peralatan makmal tersebut.

Zakaria menambah, semua pihak harus memikirkankan kepentingan penyediaan makmal komputer itu kepada generasi pelajar supaya segala pe-

rancangan pembinaannya tidak lagi tergendala.

“Ini amat mustahak agar segala kesilapan yang lalu segera diatasi kerana ia boleh menimbulkan akibat dan kesan yang besar.

“Kelewatan pembinaan makmal komputer ini menyebabkan generasi pelajar yang menghadapi masalah,” jelasnya sambil memberitahu sebanyak 147 buah makmal komputer sekolah di Negeri Sembilan masih belum siap dibina.

Beliau menyifatkan makmal komputer itu sebagai satu keperluan asas terutama di kalangan pelajar di luar bandar supaya tidak terdapat jurang yang besar antara mereka dan pelajar di bandar terhadap penguasaan bidang IT.